

Surat Kami : 500-FSKM (PT.23/4)
Tarikh : 05 April 2016

Datin Harbans Kaur Cheema
Prof Madya Dr. Hamidah Maidinsah
Prof Madya Dr. Mohd Nasir Khalid
Prof Madya Che Noorlia Md Noor
Prof Madya Maheran Nuruddin
Dr. Agos Salim Nasir
Dr. Normi Abdul Hadi
Puan Liza Nurul Fazila Dr O.K.Rahmat
Puan Kamilah Abdullah
Puan Rashidah Ismail
Puan Rohana Embong
Puan Sharifah Aniza Sayed Ahmad
Puan Aminah Nik Taib
Puan Zuraida AlWadood
Puan Suhaila Abdul Halim
Pn. Maznita Maksari
Puan Herniza Md Tahir
Puan Hanifah Sulaiman
Encik Md Rosli Md Daud

Tuan / Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI PENYELIA PROJEK SARJANA MUDA PUSAT
PENGAJIAN MATEMATIK (MSP660) PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (KEP)
(MATEMATIK) DAN/ATAU SARJANA MUDA SAINS (KEP) (MATEMATIK
PENGKOMPUTERAN) DAN/ATAU SARJANA MUDA SAINS (KEP) (MATEMATIK
PENGURUSAN), BAGI SEMESTER MAC – JULAI 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan telah dilantik sebagai Penyelia Projek Sarjana Muda, Pusat Pengajian Matematik Program Sarjana Muda Sains (Kep) (Matematik) dan/atau Sarjana Muda Sains (Kep) (Matematik Pengkomputeran) dan/atau Sarjana Muda Sains (Kep) (Matematik Pengurusan) untuk semester Mac – Julai 2016.

2. Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan penyelesaian masalah permodelan berdasarkan kepada masalah sebenar dan seterusnya menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran seperti keupayaan penyelesaian masalah, keupayaan pengendalian organisasi, keupayaan mengaplikasikan pengetahuan sedia ada, kemahiran berkomunikasi secara berkesan dan interpersonal, kemahiran menulis, kemahiran persembahan, kemahiran pengurusan masa, kemahiran mengorganisasi, kemahiran berdikari, kemahiran bekerja secara berdikari, kemahiran pencarian maklumat di perpustakaan, dan kemahiran menggunakan ICT.

3. Untuk makluman, antara tugas dan tanggungjawab tuan/puan ialah:


- a. membimbing dan mengadakan perbincangan dengan pelajar dalam membuat perancangan projek yang berkaitan dengan Projek Sarjana Muda ke arah mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu:
 - i. menyelesaikan masalah permodelan berdasarkan kepada masalah sebenar.

- ii. membina model matematik sesuatu sistem dengan mengaplikasikan kaedah saintifik bagi penyelesaian masalah secara praktikal dalam penyelidikan.
- b. mengadakan pertemuan dengan pelajar sekurang-kurangnya sekali (1 jam) dalam seminggu. Pertemuan 1 jam hendaklah dimuatkan dalam jadual beban kerja tuan/puan.
- c. menyelia pelajar dalam penyediaan laporan penyelidikan bersesuaian dengan bentuk projek yang dilaksanakan. Penulisan laporan perlu berdasarkan format dan piawaian penulisan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.
- d. mengawasi segala perkembangan projek yang dijalankan oleh pelajar dari mula sehinggalah penyerahan laporan berjilid.
- e. bersikap profesional dan berintegriti dalam pemberian markah kepada pelajar, dan markah perlulah bersesuaian dengan tahap pencapaian pelajar tersebut.
- f. menjalankan lain-lain tugas yang dikehendaki oleh Pusat Pengajian Matematik dari masa ke semasa berhubung dengan projek ini.

Segala kerjasama dan perhatian tuan/puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dan Selamat Menjalankan Tugas.

Yang benar



PROF DR HAJAH AZLINAH HJ MOMAMMED
Dekan

- sk.
- 1. *Prof Madya Dr Seripah Awang Kechil,*
Ketua Pusat Pengajian Matematik, FSKM
 - 2. *Dr Sumarni Abu Bakar,*
Penyelaras Projek Ilmiah Tahun Akhir Pusat Pengajian Matematik, FSKM